

7. Sistem Keselarasan Huruf Vokal

7.1 Keselarasan huruf vokal bererti keselarasan atau kesesuaian dua huruf vokal yang membentuk dua suku kata pada kata dasar, iaitu pasangan antara huruf vokal di suku kata praakhir dengan huruf vokal pada suku kata akhir tertutup. Prinsip keselarasan huruf vokal ini berlaku dengan syarat yang berikut:

- (i) Keselarasan di antara dua huruf vokal pada kata dasar.
- (ii) Kata dasar hendaklah berakhir dengan suku kata tertutup.
- (iii) Bagi kata yang mengandungi suku kata yang lebih daripada dua, aturan tentang sistem keselarasan huruf vokal ini dikenakan pada dua suku kata yang terakhir sahaja, iaitu suku kata praakhir dengan suku kata akhir tertutup.

7.2 Berdasarkan maklumat di perenggan 7.1 di atas, sistem keselarasan huruf vokal memberikan erti, antara lain, seperti yang di bawah.

- (i) Huruf vokal *e taling* atau *o* di kata ekasuku tidak berubah apabila kata tersebut diimbui awalan yang mengandungi huruf vokal *e pepet*. Contohnya:

bom: mengebom *bukan* mengebum
syor: mengesyorkan *bukan* mengesyurkan

- (ii) Huruf vokal *e taling* atau *o* di mana-mana suku kata terbuka tidak berubah sekiranya digunakan huruf vokal *a*, *e pepet*, *i* atau *u* di suku kata sebelumnya. Contohnya:

belerang	anggota
daerah	gelora
kaedah	kelopak
kecewa	kuno
mereka	pidato
pendekar	sekolah
selera	semboyan
temberang	semoga

- (iii) Huruf vokal *a* di suku kata akhir tidak mengubah atau mempengaruhi huruf vokal *e taling* atau *o* di suku kata sebelumnya. Contohnya:

e-a:	beta	cetak	gelenggang
	meja	dewan	selempang
	reka	dendang	selendang
	sewa	semak	terendak
o-a:	goda	borang	berontak
	kota	hormat	gelombang
	ronda	johan	kerongsang
	rongga	rosak	terompah

- (iv) Huruf vokal *e taling* dan *o* yang membentuk pasangan keselarasan *e-e*, *e-o*, *o-e* dan *o-o* tidak berubah kerana tidak dapat dipengaruhi oleh huruf vokal *a*, *e pepet*, *i*, atau *u* di suku kata sebelumnya. Contohnya:

e-e: cerewet, kelengkeng, tempeleng
 e-o: kerekot, pelecok, selekoh
 o-e: celoreng, kerobek, temponek
 o-o: ceroboh, kelompok, pelopor

7.3 Dalam sistem ejaan Rumi sekarang, terdapat 18 pola keselarasan huruf vokal yang utama (primer) seperti yang berikut:

	Pola Keselarasan			Contoh Penggunaan
	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir Tertutup	
(1)	a	-	a	asah, balak, halaman
(2)	a	-	i	alih, balik, sumbangsih
(3)	a	-	u	asuh, datuk, lembayung
(4)	e pepet	-	a	emas, kelam, cemerlang
(5)	e pepet	-	i	lebih, betik, sembelih
(6)	e pepet	-	u	telur, tempuh, temenggung
(7)	e taling	-	a	elak, dewan, belerang
(8)	e taling	-	e taling	leceh, gelek, selekeh
(9)	e taling	-	o	esok, telur, selekoh
(10)	i	-	a	ingat, kilang, selinap
(11)	i	-	i	intip, sisih, belimbing
(12)	i	-	u	riuh, tidur, periuk
(13)	o	-	a	otak, borang, sekolah
(14)	o	-	e taling	oleh, boleh, celoteh
(15)	o	-	o	obor, borong, kelompok
(16)	u	-	a	ubat, tumpang, ketupat
(17)	u	-	i	usik, kuih, gerusih
(18)	u	-	u	untuk, tunduk, tengkujuh

7.4 Daripada 18 pola itu, ada lapan pola yang berupa pola-pola yang berubah daripada sistem ejaan Rumi lama (sebelum tahun 1972). Dasar mengenai perubahan ini menetapkan supaya digunakan huruf vokal *i* atau *u* di suku kata akhir tertutup sekiranya digunakan huruf vokal *a*, *e pepet*, *i* atau *u* di suku kata praakhir.

	Ejaan Rumi Lama		Ejaan Rumi Sekarang	
	Pola Ejaan	Contoh	Pola Ejaan	Contoh
(1)	a – e taling	aleh	a – i	alih
(2)	a – o	batok	a – u	batuk
(3)	e pepet – e taling	lebeh	e – i	lebih
(4)	e pepet – o	tempoh	e – u	tempuh
(5)	i – e taling	pileh	i – i	pilih

(6)	i – o	tidor	i – u	tidur
(7)	u – e taling	usek	u – i	usik
(8)	u – o	untung	u – u	untung

Catatan: Kata-kata yang mengalami perubahan tersebut biasanya mengandung huruf konsonan akhir *h*, *k*, *ng* atau *r*.

7.5 Mengenai pola-pola keselarasan huruf vokal yang tidak berubah daripada sistem ejaan lama, dasar keselarasan huruf vokal menetapkan supaya digunakan huruf vokal *e taling* atau *o* di suku kata akhir tertutup sekiranya digunakan huruf vokal *e taling* atau *o* juga di suku kata praakhir.

Pola Ejaan	Contoh
(1) e taling – e taling	leceh, gelek, teleng, keledak, selekeh
(2) e taling – o	tempoh, belok, telur, selekoh, kerekot
(3) o – e taling	oleh, boleh, ponteng, celoteh, celoreng
(4) o – o	obor, pokok, borong, kelompok, seloroh

7.6 Di samping 18 pola keselarasan huruf vokal tersebut, dalam sistem ejaan Rumi sekarang terdapat juga lapan pola keselarasan huruf vokal seperti yang digunakan dalam ejaan lama itu (lihat perenggan 7.4), iaitu untuk mengeja kata-kata yang diserap daripada bahasa asing, khususnya daripada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain serta beberapa bahasa di Nusantara. Selain itu, ada sepuluh pola keselarasan huruf vokal lagi yang biasa digunakan untuk mengeja kata-kata serapan dalam bahasa Melayu. Pasangan huruf vokal yang 18 pola ini ialah pola-pola sekunder dalam sistem keselarasan huruf vokal.

Pola Ejaan	Contoh Kata daripada Bahasa di Nusantara	Contoh Kata daripada Bahasa Inggeris
(1) a – e taling	aneh, awet, kaget, laden, pamer, raden	kabaret, jaket
(2) a – o	barang, calon, lakon, lancong, lapor, keraton, perabot, rampok	atom, kontraktor
(3) e pepet – e taling	gembleng	setem
(4) e pepet – o	bendok, jempol	gabenor, interkom
(5) i – e taling	imlek	tiket, kriket
(6) i – o	ijon, pilon	diftong, transistor
(7) u – e taling	tulen, ulet	subjek
(8) u – o	bunglon, buron, lelucon	kupon, konduktor
(9) a – e pepet	pakem	teater, plaster
(10) e taling – i		hipotesis, objektif
(11) e taling – u		petroleum, spektrum
(12) e pepet – e pepet	demdem, pepet	
(13) i – e pepet	iseng	artikel, filem, dividen
(14) o – i		fosil, hipokrit
(15) o – u		bonus, forum

- | | | | |
|------|-----------------------|-------|-----------------|
| (16) | u-e pepet | lumer | skuter, snuker |
| (17) | e taling – e
pepet | | meter |
| (18) | o – e pepet | | Oktober, broker |

Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) 2016. (Edisi Kedua) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 9 – 13.